

KMM: Kertas putih mungkin

UM 27 AUG 2001

KUALA LUMPUR 26 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan memang merasakan perlu untuk mengeluarkan satu kertas putih bagi menjelaskan kepada rakyat tentang kedudukan sebenar kegiatan kumpulan militan KMM.

Menurut beliau, kerajaan sedar bahawa

rakyat sekarang keliru mengenai isu berkenaan, lebih-lebih lagi dakwaan pembangkang kononnya ia adalah sandiwara kerajaan.

“Kita berasa perlu (mengeluarkan kertas putih) tetapi kita menghadapi masalah seperti yang telah saya katakan. Kes ini akan dibawa ke mahkamah. Kalau kita bagi butir-butir terperinci mengenai kes ini, ia

mungkin dianggap sebagai cubaan untuk mempengaruhi mahkamah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Internet Tamil 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Semalam beliau dipetik sebagai berkata di Ipoh, kerajaan sedang mengumpul maklumat berhubung kegiatan KMM dan akan

dikeluarkan

mendedahkan kepada masyarakat bagi menangkis tohmahan pembangkang bahawa ia adalah satu sandiwara politik.

Mengulas lanjut mengenai tohmahan Pas itu, Dr. Mahathir berkata:

“Kalau orang kena bunuh atau apapun, dia kata ini sandiwara. Bagi dia bunuh orang ini adalah satu sandiwara. Cukup ringan mulut dia, sikit-sikit sandiwara,” katanya.

Menurut beliau ini menunjukkan pembangkang sudah bankrap idea untuk menjelaskan mengenai sesuatu perkara berbangkit.

“Ia menunjukkan betapa bodohnya mereka ini. Mereka tidak langsung dapat berhujah selain daripada menyebut sandiwara,” katanya.